

Majlis Malam Mesra Media MTIB 2012

Khamis, 14 Februari 2013 15:48



- MALAY VERSION ONLY -

UCAPAN ALUAN OLEH
Y.BHG. DR. JALALUDDIN HARUN
KETUA PENGARAH,
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS MALAM MESRA MEDIA MTIB 2012
18 JANUARI 2012 (RABU)

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis,

YB Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia,

Yang dihormati Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim, Ketua Setiausaha, KPPK,

Ketua-ketua Pengarah serta Ketua Pegawai Eksekutif serta agensi di bawah KPPK,

Ketua-ketua pengarang dan wakil-wakil media,

Hadirin hadirat yang dihormati,

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan selamat malam,

1. Terlebih dahulu saya bagi pihak MTIB ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian Y. B. Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri majlis ini. Saya juga ingin memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kami melaksanakan Malam Mesra Media MTIB 2012. Saya berasa amat berbesar hati atas kesudian tuan/puan menjayakan program yang dianjurkan oleh MTIB ini seterusnya hadir ke majlis penyampaian hadiah dan makan malam ini.

2. Saya amat berbangga pada tahun ini kita dapat mengadakan Malam Mesra Media kerana untuk makluman semua, program ini merupakan pertama kali dianjurkan dan sekiranya terdapat kelemahan dari segi penganjurannya, saya ingin memohon maaf kepada semua. Saya juga amat berharap dengan adanya majlis sebegini, akan dapat merapatkan lagi hubungan baik bersama pihak media untuk terus menyokong aktiviti MTIB dalam memartabatkan industri perindustrian negara.

Yang Berhormat Tan Sri, Datuk-datuk, tetamu-tetamu jemputan, tuan-tuan dan puan-puan,

3. Sebagai agensi peneraju dalam membangunkan industri berasaskan kayu, MTIB amat mengambil berat berkenaan perspektif kemajuan industri ini, dan kami amat berbesar hati kerana dapat berkongsi maklumat berhubung aktiviti-aktiviti yang dijalankan MTIB bersama rakan-rakan wartawan dari pihak media yang telah banyak membantu dan menyokong pihak MTIB selama ini. Selain daripada itu, program ini juga diadakan untuk menghargai jasa dan sumbangan pihak media yang selama ini tidak jemu-jemu memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pihak MTIB.

3. Di kesempatan ini juga saya ingin mewar-warkan sedikit sebanyak mengenai aktiviti MTIB yang telah dirancang sepanjang tahun 2012 yang mana saya amat berbesar hati untuk menjemput pihak media untuk hadir ke program itu nanti. Untuk makluman semua, MTIB baru sahaja menganjurkan Malaysian Timber Dialogue 2012 pada 12 Januari yang lalu, yang mana program tersebut memberi peluang kepada persatuan-persatuan industri perindustrian dan perabot mengemukakan sebarang maklumbalas kepada kerajaan

khususnya MTIB berkaitan dasar semasa perkayuan dan perabot serta membangkitkan isu-isu perdagangan dan perindustrian kedua-dua sektor ini. Ia juga merupakan platform kepada pihak industri untuk membangkitkan permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

4. Seterusnya MTIB akan melancarkan Iconic Timber Building yang terletak di Tebrau, Johor Bharu pada 10 April 2012 yang mana bangunan tersebut merupakan satu-satunya bangunan yang menggunakan glulam sebanyak 80% dan ia adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia. Selain itu, MTIB akan menjadi tuan rumah kepada International Research Group (IRG) 43 yang mana ia akan diadakan pada 6-9 Mei 2012 di Kuala Lumpur. Selain itu juga, MTIB akan menganjurkan Forum Pembangunan Bumiputera dalam Industri Kayu pada Jun 2012 dan kami akan memaklumkan kepada pihak media dari semasa ke semasa mengenai program-program yang akan diadakan.

Tetamu yang saya muliakan,

5. Sebagai penutup bicara, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Juga tidak lupa kepada urusetia yang telah bekerjasama dalam menjayakan program ini. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang telah diberikan bagi merealisasikan program pada hari ini dan berharap jalinan kerjasama ini akan berterusan di masa hadapan dan sekiranya wakil media mempunyai pertanyaan pada masa-masa akan datang, tuan/puan bolehlah berhubung terus dengan kami.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum w.b.t

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA